

Headline	NSTP SC semakin gagah		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	24 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Arena	Page No	58
ArticleSize	194 cm ²	Journalist	Mohd Badlishah
PR Value	RM 22,927		



Mohd Aminuddin (empat dari kanan) dan Azis (empat dari kiri) peraga jersi tajaan TNB di ibu pejabat TNB, Bangsar.

NSTP SC semakin gagah

Mohd Badlishah Mohd Ali
badlishah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Selepas dua perlawanan, prestasi skuad NSTP SC dilihat semakin meningkat terutama apabila menang 1-0 ke atas Astro dan MPPA pada saingan Liga Bola Sepak Media (MFL 2016).

NSTP SC kini berada di kedudukan kedua liga dengan enam manakala carta liga masih lagi dihuni Utusan FC yang mengumpul 8 mata selepas empat perlawanan.

Kini, tumpuan pemain NSTP SC terarah kepada aksi menentang RTM di Stadium Mini MSN Wangsa Maju pe-

tang ini. RTM juga dilabel sebagai pesaing utama dan menduduki tangga ketiga liga dengan empat mata.

Aksi menentang RTM bakal menjadi satu lagi ujian getir buat NSTP SC yang di-kendalikan jurulatih Fuad Kassim itu yang sedang dalam usaha mengekalkan rekod tanpa kalah.

Mesej serta sokongan yang diberikan Pengerusi Kehormat Kelab Sukan dan Rekreasi NSTP yang juga Pengarang Kumpulan Harian Metro Datuk Mustapa Omar juga berjaya mem-buatkan semangat pemain NSTP SC semakin berko-bar-kobar.

Sementara itu, NSTP SC

mendapat suntikan sema-ngat apabila TNB Bangsar tampil menaja jersi baru dan majlis penyerahan dilang-sungkan di ibu pejabat TNB yang turut dihadiri Pengu-rus Besar Kanan TNB (Hal Ehwai Korporat dan Komun-ikasi) Datuk Ir Mohd Ami-nuddin Mohd Amin; Pengu-rus Kanan TNB (Pengurusan Media) Mohd Arshi Mat Daud; Pengurus Kanan TNB (Pengurusan Media) Nor Hanim Idris dan Fazreen Eksan.

Pasukan NSTP SC diwakili pengurus Azis Ngah; peno-long pengurus Ibrahim Ai-ruddin, kapten Shahir Oth-man dan Wan Huzairy Wan Husain.